



Sampai takziah

● **PERDANA** Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menandatangani buku takziah di atas kemangkatan Raja Khaled dari Arab Saudi, di Kedutaan Arab Saudi di Kuala Lumpur semalam.

Beberapa orang Menteri juga turut menandatangani buku tersebut termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam yang tiba di kedutaan itu kira-kira sepuluh minit selepas Perdana Menteri.

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, dan beberapa orang Menteri dan Timbalan Menteri turut menandatangani buku tersebut yang dibuka sejak kelmarin.

Sementara itu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong berangkat ke Arab Saudi kelmarin untuk menziarahi makam Almarhum Raja Khaled. — Gambar Berita Harian.

No. Siri	2841
No. Penerimaan	586/85

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia